

**SUMBANGAN PEMIKIRAN IBN RUSHD (M. 595/1198)
DALAM MUAMALAH: ANALISIS TERHADAP AKAD
AL-MUDĀRABAH DALAM BIDĀYAH AL-MUJTAHID
WA NIHĀYAH AL-MUQTASID**

Oleh:

Joni Tamkin Bin Borhan*

Che Zarrina Sa'ari**

Abstract

This article analyses the thought of Ibn Rushd, a great faqih and thinker of Andalusia in Islamic transactions with special reference to the doctrine of al-mudārabah as found in his Kitab Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid. His analysis in al-Muḍārabah (al-Qirāḍ) contract is still relevant to the contemporary practice of Malaysian Islamic banking and finance in particular in the rest of the world in general.

PENDAHULUAN

Artikel ini akan menganalisis sumbangan pemikiran Ibn Rushd dalam muamalah dengan tumpuan pada akad *al-Muḍārabah* sebagaimana yang terdapat di dalam Kitabnya *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*. Ibn Rushd adalah seorang Ulama' Fiqh yang tersohor dalam Mazhab Maliki kelahiran kota Cordoba, Andalusia pada tahun 502H./1126M. dan meninggal di kota Marakesh di Moroko pada tahun 595H./1198M. ketika berumur 72 tahun. Karya *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid* hasil buah fikiran beliau ini merupakan antara kitab fiqh utama yang begitu bernilai dalam pengajian Islam. Analisis pemikiran beliau ini akan tertumpu kepada penulisan muamalahnya dalam kitab tersebut yang diterbitkan oleh al-Maktabah al-'Ilmiyyah, Lahore pada tahun 1404H./1984M. dan dirujuk secara khusus pada bab *al-Muḍārabah* daripada halaman 93 hingga ke halaman 237, Jilid 2.

* Joni Tamkin bin Borhan, PhD, adalah Profesor di Jabatan Syariah dan Ekonomi dan merupakan Timbalan Pengarah Ijazah Dasar, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

** Che Zarrina Sa'ari, PhD, adalah Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Sumbangan pemikiran Ibn Rushd dalam bidang muamalah ini meliputi, antaranya, konsep *al-Buyu`*, *al-Sarf*, *al-Salam*, *al-Khiyār*, *Bay` al-murābahah*, *Bay` al-`āriyyah*, *al-Ijārah*, *al-Ja`l*, *al-Qirāḍ* (*al-Muḍārabah*), *al-Musāqah*, *al-Sharikah*, *al-Shuf`ah*, *al-Qismah*, *al-Rahn*, *al-Ḥajr*, *al-Taffīs*, *al-Sulh*, *al-Kafālah*, *al-Ḥiwālah*, *al-Wakālah*, *al-Luqatah*, *al-Wadī`ah*, *al-`Āriyyah* dan *al-Ghasb*. Konsep-konsep tersebut adalah antara akad penting dalam transaksi Islam dan telah diamalkan dalam operasi perbankan dan kewangan Islam semasa terutamanya di Malaysia.

Analisis terhadap pemikiran Ibn Rushd dalam akad *al-Muḍārabah* (*al-Qirāḍ*) adalah amat penting kerana walaupun beliau berada di Andalusia pada kurun ke 6H./12M, tetapi pemikiran dan penyelesaiannya terhadap persoalan *al-Muḍārabah* adalah penting dalam amalan perbankan dan kewangan Islam semasa terutamanya kepada Umat Islam di Malaysia pada milenium ke 3 ini.

BIODATA RINGKAS IBN RUSHD

Secara ringkasnya nama Ibn Rushd¹ ialah Abū al-Wālid Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Rushd dikenali sebagai Averroes di dunia Barat. Beliau berasal dari keluarga Ulama” Cordova yang dihormati, ilmuan dan mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat. Beliau merupakan generasi ketiga dalam keluarganya yang memegang jawatan qadi. Datuknya Abū al-Wālid Muḥammad bin Rushd (1058-1126M.) adalah ahli Ilmu kalam yang terkenal dalam Mazhab Maliki dan pernah memegang jawatan Imam Besar Masjid Cordova, manakala bapanya juga pernah memegang jawatan qadi.

¹ Majid Fakhry (1993), *Sejarah Falsafah Islam*, (tr.) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 329-355; *Idem* (1997), *Islamic Philosophy, Theology and Mysticism: A Short Introduction*, Oxford: Oneworld, h. 93-100; Oliver Leaman (1999), *A Brief Introduction to Islamic Philosophy*, Oxford: Blackwell Publishers Ltd.; Muhammad Abdul Rauf (1995), *The Muslim Mind*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 209-210; <http://en.wikipedia.org/wiki/Averroes>, 29/11/07; <http://www.levity.com/alche,y/islam21.html>, “Averroes as a Physician”, 29/11/07; <http://www.iep.utm.edu/i/ibnrushd.htm>, “Ibn Rushd”, 29/11/07; <http://www.muslimphilosophy.com/ir/> “Ibn Rushd”, 29/11/07; <http://www.trincoll.edu/depts/phil/phil/muslim/rushd.html>, 29/11/07; <http://www.alhewar.org>, “Averroes(Ibn Rushd)”, 29/11/07; <http://www.renaissance.com.pk/> “Ibn Rushd”, 29/11/07; <http://www.famousmuslims.com/> “Ibn Rushd”, 29/11/07; <http://kitaabun.com>, “Ibn Rushd”, 29/11/07; <http://www.answers.com/topic/averroes>, 29/11/07.

Ibn Rushd memulakan perjalanan dunia keilmuan dengan mempelajari ilmu Hadith, bahasa, usul al-fiqh, kalam, perubatan dan sebagainya sehingga beliau menguasai bidang-bidang tersebut. Selaku salah seorang sarjana tersohor dalam sejarah tamadun Islam, Ibn Rushd dapat menguasai bidang usul fiqh, fiqh, matematik, perubatan, falsafah, kalam dan sebagainya dan menjadikannya setanding dengan beberapa Ulama' yang sezaman dengannya di Andalusia seperti Ibn Ṭufayl, Ibn Bājjah dan Ibn Ḍuhr. Sepanjang hayat beliau telah menghasilkan sebanyak 67 buah penulisan dalam pelbagai bidang iaitu 28 buah karya dalam bidang falsafah, 5 buah karya dalam kalam, 8 buah karya dalam fiqh dan perundangan dan 4 buah karya dalam tatabahasa serta 20 buah karya dalam perubatan. Kitab *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* adalah antara hasil penulisan beliau yang utama dalam bidang fiqh.

Ibn Rushd meninggal dunia pada 10 Disember 595H./1198M. ketika berumur 72 tahun dengan meninggalkan warisan khazanah intelektual yang besar, berharga dan bernilai kepada tamadun Islam. Malah usaha yang bersungguh-sungguh diperlukan untuk terus menggali pemikiran beliau terutamanya dalam bidang fiqh supaya khalayak dapat mengetahui perincian perbincangan dan pemikiran Ulama' ini.

Berikut adalah beberapa penulisan oleh penulis Barat berkenaan dengan sumbangan pemikiran Ibn Rushd dalam pelbagai bidang ilmu seperti falsafah dan sebagainya. Antaranya ialah, T. J. DE Boer (1933), *The History of Philosophy in Islam*, London: Luzac and Co, h. 187-199; George F. Hourani (1962), "Averroes on Good and Evil", *Studia Islamica*, Vol. 16, h. 13-49; D. M. Dunlop (March, 1962), "Averroes (Ibn Rushd) on The Modality of Propositions", *Islamic Studies*, Vol. I (1), h. 23-34; Josep Puig (Oct., 1992), "Materials on Averroes's Circle", *Journal of Near Eastern Studies*, Vol. 51 (4), h. 241-260; Oliver Leaman, "Ibn Rushd on Happiness and Philosophy:", *Studia Islamica*, Vol. 51 (1), h. 167-181; Harry A. Wolfson (1931), "Plan for The Publication of a Corpus Commentariorum Averroes in Aristotelem", *Speculum*, Vol. 69 (3), h. 412-427; *Idem* (1961), "The Twice-Revealed Averroes", *Speculum*, Vol. 36 (3), h. 373-392; *Idem*, (1963), "Revised Plan For The Publication of A Corpus Commentariorum Averrois in Aristotelem", *Speculum*, Vol. 38 (1), h. 88-104; Alfred L. Ivry (1979), "The Will of God and Practical Intellect of Man in Averroes Philosophy", *Israel Oriental Society*, Vol. 9, h. 377-391; Anton M. Heinen, "Averroes' Idea of Astronomy Being in Agreement With Reality", *Hamdard Islamicus*, Vol. 1 (3), h. 3-14; Majid Fakhry (1953), "The Antinomy of the Eternity of the World in Averroes, Maimonides an Aquinas", *Museon*, Vol. 66, h. 139-155.

KITAB BIDĀYAH AL-MUJTAHID WA NIHĀYAH AL-MUQTAṢID OLEH IBN RUSHD

Dalam penulisan artikel ini, penulis merujuk kitab *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* yang diterbitkan oleh al-Maktabah al-`Ilmiyyah, Lahore, Pakistan pada tahun 1984 dalam dua jilid (*Volumes*). Jilid 1 adalah setebal 349 halaman dan jilid 2 pula setebal 356 halaman. Jilid 1 membicarakan *Kitāb al-Ṭahārah* (h. 5), *Kitāb al-Wuḍū`* (h. 5-46), *Kitāb al-Tayammum* (h. 46-53), *Kitāb al-Ṭahārah min al-Najs* (h. 53-64), *Kitāb al-Ṣalāt* (h. 64-163), *Kitāb Aḥkām al-Mayyit* (h. 164-177), *Kitāb al-Zakāt* (h. 178-203), *Kitāb Zakāt al-Fiṭr* (h. 203-206), *Kitāb al-Ṣiyām* (h. 206-228), *Kitāb al-Ḥajj* (h. 228-278), *Kitāb al-Jihād* (h. 278- 298), *Kitāb al-Aymān* (h. 298-308), *Kitāb al-Nuzur* (h. 308-314), *Kitāb al-Ḍahāyā* (h. 314- 321), *Kitāb al-Zabā`ih* (h. 321-332), *Kitāb al-Ṣayd* (h. 332-340), *Kitāb al-Aḥimmah wa al-Ashribah* (h. 340-349); Vol. 2, *Bāb al-Mu`āmalat* (h. 93-245), *Kitāb al-Hibah* (h. 245-250), *Kitāb al-Waṣāyā* (h. 250-253), *Kitāb al-Farā`id* (h. 254-274), *Kitāb al-`Itq* (h. 274-280), *Kitāb al-Kitābah* (h. 280-291), *Kitāb al-Tadbīr* (h. 291-295), *Kitāb al-Jināyah* (h. 296-344) dan *Kitāb al-Aqḍiyyah* (h. 344-356).

Metode penulisan Ibn Rushd dalam kitabnya menerusi sesuatu Kitab atau Bab seperti *Kitāb al-Qirāḍ/al-Muḍārabah* (Jil. 2, h. 178-184) adalah sangat menarik dan sistematik di mana beliau mengemukakan pandangan Jumhur Ulama' terhadap hukum sesuatu akad atau hukum dan diikuti oleh pandangan para Ulama' lain yang tidak bersetuju dengan pandangan Jumhur Ulama' tersebut. Dalam sesetengah kes, beliau mengemukakan pandangan Jumhur Ulama' beserta dengan sandaran hukum yang diambil dari Hadith Rasulullah s.a.w seperti dalam kes akad *al-musāqāt* (Jil. 2, h. 184) dan hukum *ribā al-faḍl* (Jil. 2, h. 96-97). Sebaliknya, dalam kes-kes yang lain sandaran hukum itu tidak disertakan seperti dalam kes akad *al-muḍārabah* (Jil. 2, h. 178). Dalam kes seperti ini, Ibn Rushd hanya mengemukakan pandangan para Ulama' berkenaan secara umum sama ada mengabsahkan ataupun menolak sesuatu akad tersebut.

AKAD AL-MUḌĀRABAH (AL-QIRĀḌ) MUNURUT IBN RUSHD (JIL. 2, H. 178- 184)

1. Definisi

Al-Muḍārabah (*dormant partnership*) mempunyai erti yang sama dengan dua lagi perkataan Arab yang digunakan untuk memberi maksud “sejenis perniagaan perkongsian modal dan usaha”, iaitu perkataan *al-qirāḍ* dan *al-muqāraḍah*.

Ketiga-tiga perkataan ini memberi makna yang sama.² Perbezaan penggunaan istilah ini mungkin berpunca dari faktor geografi. Perkataan *al-qirād* dan *al-muqāradah* berasal dari Semenanjung Tanah Arab terutamanya Hijaz³, sementara istilah *al-muḍārabah* berasal dari Iraq. Perbezaan asal usul istilah tersebut memberi kesan terhadap penggunaan istilah untuk akad ini oleh para Ulama' dari mazhab fiqh yang berlainan tempat perkembangannya. Mazhab para Ulama' fiqh dalam Maliki⁴ dan Shafi'i⁵ yang berkembang di Hijaz menggunakan istilah *al-qirād* untuk akad *al-muḍārabah* dalam penulisan mereka dan mereka turut juga menggunakan istilah *al-muqāradah* untuk akad *al-muḍārabah* yang kecil. Sementara Mazhab Hanafi⁶ dan Hanbali⁷ yang berkembang di Iraq pula telah menggunakan istilah *al-muḍārabah*.

Dalam artikel ini, penulis akan mengguna pakai istilah *al-muḍārabah*, meskipun sumber rujukan utama perbincangan ini menggunakan istilah *al-qirād* kerana kedua-duanya memberi makna yang sama di samping

² Ibn Manẓūr, Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad b. Mukarram al-Anṣārī (t.t.), *Lisān al-ʿArab*, Vol. 3, Beirut: Dār al-Ṣadīr, h. 217-218; al-Zabīdī, al-Sayyid Muḥammad al-Murtaḍā (1965-1973), *Tāj al-ʿArūs*, Vol. 19, (ed.) Ḥijāzī, Muṣṭafā, et al., Kuwait, h. 19; Udovitch, "Qirad", *Encyclopaedia of Islam* (New Edition), Vol. 5, h. 130.

³ Ibn al-Athīr, Majd al-Dīn al-Mubārak b. Muḥammad (1383), *al-Nihāyah fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Āthār*, Vol. 4, (ed.) al-Zāwī, Ṭāhir Aḥmad dan al-Tanāhī, Maḥmūd Muḥammad, Kaherah: Maktabah al-Islāmiyyah, h. 41; al-Zamakhsharī, Abū al-Qāsim Maḥmūd b. ʿUmar (1945-1948), *Al-Fāʿiq fī Gharīb al-Ḥadīth*, (ed.) Muḥammad al-Bajāwī dan Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm, t.tp: t.p., h. 11 dan 339; Lihat juga Udovitch (1962), "At The Origin of the Western Commenda: Islam, Israel, Byzantium?" dalam *Speculum*, Vol.37, h. 202-207.

⁴ Umpamanya lihat, al-Zurqānī, Abū ʿAbd Allāh Muḥammad al-Bāqī (1981), *Sharḥ al-Zurqānī ʿAlā al-Muwattāʾ Mālik*, Vol. 3, Beirut, h. 345; Ibn Zuzayy (t.t.), *al-Qawānīn al-Fiqhiyyah*, Beirut, h. 242.

⁵ Umpamanya Lihat, al-Shāfiʿī, Muḥammad b. Idrīs (1990), *al-Umm*, Beirut: Dār al-Fikr, Vol. 4, h. 5; al-Shirāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm b. ʿAlī bin Yūsuf al-Fīrūzābādī (1994), *al-Muḥadhdhab*, Vol. 1, Beirut: Dār al-Fikr, h. 505; al-Khāṭib, Muḥammad al-Sharbīnī (1958), *Mughnī al-Muhtāj ilā Maʿrifah al-Minhaj*, Vol. 2, Kaherah: Maṭbaʿah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 309; al-Nawāwī, Zakariyyā Yaḥyā b. Sharaf (t.t.), *Minhāj al-Ṭalībīn wa ʿUmdah al-Muḥṭin fī al-Fiqh*, Beirut: Maktabah al-Thaqāfah, h. 154.

⁶ Lihat Umpamanya, al-Marghinānī, Burhān al-Dīn Abū al-Ḥasan ʿAlī b. Abū Bakr (t.t.), *al-Hidāyah Sharḥ Bidāyah al-Mubtadī*, Vol. 3, Kaherah: al-Maktabah al-Islāmiyyah, h. 202.

⁷ Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad ʿAbd Allāh b. Aḥmad b. Muḥammad (t.t.), *al-Mughnī*, Vol. 5, Kaherah: Ḥijr, h. 26.

mengambil kira bahawa istilah ini lebih popular di Malaysia dan di rantau ini serta di tempat-tempat lain berbanding dengan istilah *al-qirād*.

Ibn Rushd ketika memulakan perbincangannya tentang akad *al-muḍārabah* tidak mendefinisikannya sama ada dari sudut bahasa ataupun istilah Fiqh sebagaimana kebiasaan para Ulama' Fiqh yang lain. Namun begitu, sebagaimana yang difahami, *al-muḍārabah* dari sudut bahasa menurut pendapat al-Imam al-Sarakhsī⁸ diambil dari kenyataan "*al-ḍarb fī al-ard*" Istilah ini digunakan kerana agen atau usahawan (*muḍārib*) berhak ke atas kadar tertentu daripada keuntungan yang diperolehi dari hasil usahanya termasuk perjalanannya dalam melaburkan modal pemilik modal (*ṣāhib al-māl/rabb al-māl*).

Penduduk bandar Madinah memanggil akad ini *al-muqāraḍah* atau *al-qirād* berasaskan kepada laporan berkaitan dengan `Uthmān b. `Affān, Khalifah Islam Ketiga yang melaburkan modalnya dalam bentuk akad *al-muqāraḍah*. Istilah ini diambil dari kata dasar *qarḍ* yang bererti memotong. Ini kerana dalam akad ini pelabur mengeluarkan dan memindahkan sebahagian modalnya kepada usahawan atau agen untuk dilaburkan dalam sesuatu pelaburan tertentu yang halal. Inilah dikatakan peristiwa yang menjadi asal usul istilah *al-muqāraḍah* digunakan.⁹ Manakala istilah *al-muḍārabah* dikatakan berasas kepada ayat al-Qur'an al-Karim: "*wa ākharūn yaḍribūnā fī al-ard...*" untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah S.W.T..."¹⁰, iaitu berjalan di muka bumi Allah S.W.T. dengan tujuan menjalankan perniagaan dan perdagangan.¹¹

Asas pembentukan akad *al-muḍārabah* ialah *ijāb* (*offer*) dan *qabūl* (*acceptance*). Umpamanya, jika pemilik harta atau dana atau modal (*rabb al-māl*) berkata kepada seseorang (usahawan atau agen) untuk mengambil modal kepunyaannya dan melaburkannya dalam pelaburan tertentu, serta mereka bersetuju untuk berkongsi kadar keuntungan tertentu jika pelaburan itu mendatangkan keuntungan kelak seperti 1/2 : 1/2 atau 50 : 50 atau 70 : 30 dan agen atau usahawan menerima pelawaan ini, maka akad *al-muḍārabah* termeterai

⁸ Al-Sarakhsī, Abū Bakr Muḥammad b. Aḥmad (1324-1331 H.), *al-Mabsūt*, Vol. 22, Kaherah, h. 18; Lihat juga Udovitch, "*Qirad*", *Encyclopediad of Islam* (New Edition), Vol. 5, h. 129-130.

⁹ Al-Sarakhsī (1324-1331 H.), *op. cit.*, Vol. 22, h. 18; al-Zurqānī (1981), *op. cit.*, Vol. 3, h. 345.

¹⁰ Surah al-Muzammil 73: ayat 20.

¹¹ Al-Sarakhsī (1324-1331 H.), *op. cit.*, Vol. 22, h. 18; al-Sharbīnī al-Khāṭib (1958), *op. cit.*, Vol. 2, h. 309; Ibn al-Humam, Kamāl al-Dīn Muḥammad b. `Abd al-Wāḥid al-Siwāsī (1980), *Sharḥ Faṭḥ al-Qadīr*, Vol. 8, Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 445.

antara kedua belah pihak berkenaan.¹² Secara umumnya, *al-muḍārabah* ialah akad perkongsian antara pemilik (*rabb al-māl*) atau beberapa orang pemilik modal (*arbāb al-amwāl*) dengan usahawan (*ʿāmil, muḍārib, muqarid*) yang diamanahkan untuk menjalankan pelaburan dengan modal berkenaan dan kemudiannya memulangkan semula kepada pemilik harta atau dana modal asal dengan kadar keuntungan yang dipersetujui bersama sebelum ini selepas usaha pelaburan itu tamat. Bahagian keuntungan yang dimiliki oleh usahawan adalah dalam kadar tertentu yang dipersetujui bersama semasa akad. Hak ini boleh dimiliki jika pelaburan itu mendatangkan keuntungan. Sebaliknya, jika pelaburan itu mendatangkan kerugian yang bukan disebabkan oleh kelalaian dan perbuatan secara sengaja oleh usahawan seperti masalah cuaca, gempa bumi dan keadaan ekonomi global yang menyebabkan modal terhakis, maka kerugian itu akan ditanggung oleh pemilik modal sahaja. Kerugian yang dialami oleh usahawan ialah kerugian dari sudut masa dan tenaga yang dicurahkan dalam aktiviti pelaburan yang tidak mendapat apa-apa pulangan.¹³

Dalam hal mengemukakan konsep dan teori *al-muḍārabah*, pandangan Ibn Rushd didapati sama seperti yang dinyatakan diatas. Beliau mengatakan bahawa semua Umat Islam bersetuju di atas keharusan akad ini, malahan akad yang telah diamalkan semenjak zaman sebelum Islam disahkan dan diterima pakai selepas kedatangan Islam.¹⁴

2. Legitimasi Akad *al-Muḍārabah*.

Berhubung dengan legitimasi atau keabsahan akad *al-muḍārabah*, Ibn Rushd tidak menyatakan dalil-dalil dari al-Qur'an dan Hadith Rasulullah s.a.w. yang menjadi asas keabsahannya sebagaimana sesetengah Fuqaha' lain dalam penulisan mereka.¹⁵ Namun demikian, dapat difahami dari penulisannya bahawa boleh dikatakan asas legitimasi akad ini ialah hadith-hadith yang berkenaan kerana beliau mengatakan semua Ulama' bersetuju di atas keabsahannya.¹⁶ Dalam penulisan Fiqh yang lain, para Fuqaha' bersetuju bahawa legitimasi akad *al-muḍārabah* ialah Hadith Rasulullah s.a.w. yang menunjukkan Baginda sendiri terlibat dengan akad ini sebelum kerasulannya dan juga amalan para sahabatnya dalam hal tersebut.¹⁷ Menurut Ibn Ishāq, sebelum kerasulan Rasulullah s.a.w., Baginda telah menjadi pengurus/

¹² *Majallah al-Aḥkam al-ʿAdliyyah*, Perkara 1407.

¹³ Al-Sarakhsī (1324-1331 H.), *op. cit.*, Vol. 22, h. 22;

¹⁴ *Bidayah*, Vol. 2, h. 178.

¹⁵ Umpamanya Lihat al-Shirāzī (1994), *op. cit.*, Vol. 1, h. 537-538.

¹⁶ *Bidayah* Vol. 2, h. 178.

¹⁷ Ibn Qudāmah (t.t.), *op. cit.*, Vol. 5, h. 26; al-Sarakhsī (1324-1331 H.), *op. cit.*, Vol. 22, h. 18.

usahawan dalam akad *al-muḍārabah* dengan Sayyidatinā Khadījah bt. al-Khuwaylid r.a., seorang peniaga wanita yang kaya dan dihormati yang kemudiannya menjadi isteri Rasulullah s.a.w.. Baginda s.a.w. telah membawa dan memperdagangkan barangan dagangan kepunyaan Sayyidatinā Khadījah ke Sham (Syria) dan akhirnya mendapat keuntungan yang banyak.¹⁸ Amalan yang ditunjukkan oleh Baginda s.a.w. ini membuktikan bahawa *al-muḍārabah* telah diamalkan oleh orang-orang Quraysh dan kaum-kaum lain pada zaman Jahiliah. Dan selepas kedatangan Islam, ia terus sebagai alternatif metode perniagaan perkongsian antara pemodal dan usahawan secara jarak jauh.¹⁹

Terdapat Hadith yang menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. mengakui dan mengesahkan para sahabatnya yang terlibat dalam perniagaan berasaskan akad *al-muḍārabah*. Baginda s.a.w. diutuskan semasa orang ramai menggunakan instrumen *al-muḍārabah* dalam kegiatan perekonomian mereka²⁰ dan tidak terdapat dalam sejarah sebarang kenyataan Baginda s.a.w. melarang pengamalan akad ini.²¹ Misalnya, Sayyidatinā `Ā'īshah r.a. dan `Abd Allāh b. `Umar dilaporkan melaburkan wang kepunyaan anak-anak yatim yang disimpan oleh mereka dalam akad-akad *al-muḍārabah*.²² Demikian juga

¹⁸ Ibn Hishām, Abū Muḥammad `Abd al-Mālik (1975), *al-Sīrah al-Nabawīyah*, Vol. 1, (ed.) Ṭāhā, `Abd al-Ra'ūf Sa'd, Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-`Arabī, h. 171-172; al-Ṭabarī, Abū Ja'far Muḥammad b. Jarīr (1960), *Tārīkh al-Rusul wa al-Muluk*, Vol. 2, (ed.) Ibrāhīm, Muḥammad Abū al-Faḍl, Kaherah, h. 280; Ibn Ḥazm (1983), *Jamharat Ansāb al-`Arab*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 16.

¹⁹ Ibn Ḥazm, Abū Muḥammad `Alī b. Aḥmad b. Sa'īd (1926-1928), *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, Vol. 2, (ed.) Shākir, Aḥmad Muḥammad, Kaherah: Maṭba'ah al-`Āshimah, h. 95; Wolf, Eric R. (1951), "The Social Organization of Mecca and the Origin of Islam" dalam *Southwestern Journal of Anthropology*, Vol. 7 (4), Albuquerque, h. 330-37; Udovitch (1970), "The Law Merchant of the Medieval Islamic World" dalam Von Grunebaum, G. E. (ed.), *Logic in Classical Islamic Culture*, Wiesbaden: O. Harrassowitz, h. 115-117; Watt, W. M. (1961), *Islam and Integration of Society*, London: Routledge & K. Paul, h. 14; Imamuddin, S. M. (1961), "Commercial Relation of Spain with Iraq, Persia, Khurasan, China and India in the Tenth Century AC" in *Islamic Culture*, Vol. 35 (3), h. 177; Ziaul Haque (1968), "Inter-Regional and International Trade in Pre-Islamic Arabia" in *Islamic Studies*, Vol. 7 (3), h. 207- 232; Husein, Raef T. A. (1986), "The Early Arabian Trade and Markrting" dalam *The Islamic Quarterly*, Vol. 30 (2), h. 109-117; Abdullah Alwi Haji Hassan (1987), "The Arabian Commercial Background in Pre-Islamic Times" dalam *Islamic Culture*, Vol. 61 (2), h. 70-83.

²⁰ Al-Sarakhsī (1324-1331 H.), *op. cit.*, Vol. 22, h. 19.

²¹ Al-Kāsānī, `Alā' al-Dīn Abū Bakr b. Mas'ūd (1982), *Kitāb Badā'i' al-Sanā'i' fī Tartīb al-Sharā'i'*, Vol. 6, Beirut: Dār al-Kutub al-`Arabī, h. 79; Ibn Ḥazm (1926-1928), *op.cit.*, Vol. 2, h. 95.

²² Al-Shaybānī (t.t.), "*Kitāb al-Aṣl, Kitāb al-Muḍārabah*". MS. Dār al-Kutub al-

ʿAbd Allāh b. Masʿūd dan al-ʿAbbās b. ʿAbd al-Muṭṭalib yang turut terlibat dalam akad-akad *al-muḍārabah*. Al-ʿAbbās, bapa saudara Rasulullah s.a.w., telah mendapat keizinan daripada Baginda s.a.w. terhadap syarat-syarat yang dikenakan oleh beliau kepada agennya.²³

Menurut para Fuqaha', antara sebab utama penerimaan dan keabsahan akad ini ialah kecekapan dan perkembangan sistem ekonomi hasil daripada aktiviti *al-muḍārabah*. Menurut al-Sarakhsi²⁴ umpamanya, orang ramai memerlukan akad ini kerana pemilik modal tidak mempunyai cara untuk melaburkan modalnya, manakala usahawan yang tidak mempunyai modal untuk terlibat dalam aktiviti perniagaan dan keuntungan boleh memperolehnya melalui gabungan kedua-dua faktor tersebut iaitu modal dan usaha. Melalui akad ini, matlamat kedua-dua pihak berkenaan akan tercapai. Tambahan pula, akad ini mempunyai kesan ekonomi yang positif kepada para pekerja/usahawan. Mereka akan berasa gembira dengan bahagian keuntungan yang diperuntukan kepada mereka oleh pemilik modal yang mendorong mereka untuk bekerja lebih keras bagi memajukan lagi perniagaan tersebut. Akhirnya pulangan kepada mereka semakin membesar dengan usaha-usaha yang mereka lakukan itu.

3. Modal Pelaburan

Berkenaan dengan modal *al-muḍārabah*, Ibn Rushd²⁵ menyatakan bahawa para Fuqaha'²⁶ telah bersepakat mengharuskan modal dalam akad *al-muḍārabah* dalam bentuk wang (*al-danānir* dan *al-darāhim*), sementara mereka khilaf pendapat jika modal yang dilaburkan itu adalah dalam bentuk barangan (*al-ʿarudʿ/al-silaʿ*). Para Fuqaha' dan penulis menyatakan bahawa alasan kenapa wang boleh dijadikan modal dalam pelaburan *al-muḍārabah* ialah kerana kedua-duanya memiliki nilai yang boleh dijadikan sebagai alat pertukaran dalam sesuatu transaksi untuk semua masa dan

Miṣriyyah, Fiḥ Ḥanafī 491, fol. 42b, II, h. 11-14; al-Sarakhsi (1324-1331 H.), *op. cit.*, Vol. 22, h. 18.

²³ Al-Shaybānī (t.t.), *op. cit.*, fol. 42a, II, h. 8-12.

²⁴ *Ibid.*; Lihat juga al-Sāwī al-Mālikī, Aḥmad b. Muḥammad (1978), *Bulghat al-Sālik Li al-Aqrab al-Masālik ilā Madhhab al-Imām Mālik*, Vol. 3, Kaherah: Dār Iḥyāʿ al-Kutub al-ʿArabiyah, h. 79.

²⁵ *Bidāyah*, Vol. 2, h. 178.

²⁶ Lihat, al-Sarakhsi (1324-1331 H.), *op. cit.*, Vol. 22, h. 21; al-Nawāwī (t.t.), *op. cit.*, h. 154; Al-Kāsānī (1982), *op. cit.*, Vol. 6, h. 82; al-Asbaḥī, Mālik b. Anas (1994), *al-Mudawwanah al-Kubrā*, Vol. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, h. 629; Khalīl b. Iṣḥāq (1318/1900), *al-Mukhtaṣar*, Paris, h. 189 (diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris oleh Ruxton, F. H. (1916), *Maliki Law*, London); al-Zuhaylī, Wahbah (1989), *al-Fiḥ al-Islāmī wa Adillatuh*, Vol. 4, Damsyik: Dār al-Fikr, h. 843.

tempat. Berdasarkan alasan inilah para Fuqaha' dalam mazhab Maliki termasuk Ibn Rushd²⁷ dan Shafi'i²⁸ tidak mengharuskan penggunaan *al-fulus*²⁹ atau apa-apa jenis mata wang yang tidak diiktiraf sebagai modal dalam pelaburan akad *al-muḍārabah* kerana ia tidak dianggap sebagai perantara dalam sesuatu transaksi.

Dalam kes modal pelaburan menggunakan barangan, Ibn Rushd menyatakan bahawa Jumhur Fuqaha' tidak mengharuskannya. Hujjah yang digunakan oleh Jumhur Fuqaha' dalam kes ini ialah kerana ia boleh membawa kepada unsur *gharār* dan ketidakpastian dalam akad. Ini berlaku apabila barangan yang dijadikan modal dinilai berdasarkan jumlah/harga yang berbeza-beza oleh orang yang berlainan. Ketidakpastian nilai barangan (modal) akan akhirnya membawa kepada pertikaian semasa penamatan akad dan penutupan akaun yang membawa kepada pemulangan semula modal kepada pemilikinya serta pengagihan bahagian keuntungan kepada kedua-dua pihak berkenaan.³⁰

Hujah lain yang dikemukakan oleh para Fuqaha' selain Ibn Rushd dalam kes tidak mengharuskan modal dalam bentuk barangan ialah kerana kemungkinan harga barangan tidak stabil dalam pasaran yang boleh memberi faedah kepada satu pihak dan merugikan pihak yang lain. Misalannya, jika harga barangan naik dalam pasaran, ia akan memberi faedah kepada usahawan kerana bahagian keuntungannya akan bertambah semasa penamatan akaun. Kes yang sama juga berlaku jika harga barangan jatuh, pihak pelabur/pemilik modal dan usahawan akan berada dalam keadaan yang tidak baik dari sudut bahagian keuntungan yang sepatutnya mereka perolehi.³¹

Menurut Ibn Rushd,³² hanya Ibn Abī Laylā yang mengemukakan pandangan mengharuskan penggunaan barangan sebagai modal dalam akad *al-muḍārabah* dan pandangan yang sama juga telah dirujuk kepada Imam Mālik b. Anas sebagaimana dinyatakan oleh Imam al-Sarakhsī. Menurut

²⁷ *Bidāyah*, Vol. 2, h. 179; al-Asbahī, Mālik b. Anas (1994), *op.cit.*, Vol. 3, h. 629.

²⁸ Al-Khātib (1958), *op.cit.*, Vol. 2, h. 310; al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad b. Aḥmad (1979), *Kitāb al-Wajīz fī Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī*, Vol. 2, Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 221.

²⁹ *Fulus* ialah wang purbakala yang diperbuat daripada tembaga. Lihat, umpamanya, al-Marbawī, Muḥammad Idrīs `Abd al-Ra'ūf (1990), *Qāmūs Idrīs al-Marbawī*, Kuala Lumpur: Dār al-Fikr, Vol. 2, h. 102.

³⁰ *Bidāyah*, Vol. 2, h. 178.

³¹ Lihat, al-Asbahī (1994), *op.cit.*, Vol. 3, h. 630; al-Sarakhsī (1324-1331 H.), *op.cit.*, Vol. 22, h. 33; al-Kāsānī (1982), *op.cit.*, Vol. 6, h. 82; al-Zuhaylī (1989), *op.cit.*, Vol. 4, h. 834-844.

³² *Bidāyah*, Vol. 2, h. 178.

al-Sarakhsī, Iman Mālik mengharuskannya kerana barangan boleh dinilai dan mempunyai posisi yang sama dengan matawang.³³ Walau bagaimanapun tidak ada kenyataan yang sedemikian dijumpai dalam penulisan Imam Mālik terutama *al-Muwaṭṭa'* ataupun sumber fiqh dalam Mazhab Maliki yang lain. Sebaliknya, dalam *al-Muwaṭṭa'*, Imam Mālik dengan jelas menyatakan bahawa akad *al-qirāḍ* (*al-muḍārabah*) sah hanya jika modal pelaburan menggunakan matawang (*al-danānir* atau *al-darāhim*) dan sesuatu modal tidak boleh dalam bentuk barang-barang (*uruḍ*) ataupun (*silā*).³⁴ Walaubagaimanapun, Ibn Rushd³⁵ dan Fuqaha' lain³⁶ dalam Mazhab Maliki membenarkan penggunaan barangan sebagai modal pelaburan dengan syarat pelabur meminta usahawan menjual barangan itu terlebih dahulu dan menggunakan wang tunai hasil jualan berkenaan sebagai modal akad *al-muḍārabah*.

4. *Bentuk akad al-Muḍārabah.*

Dalam penulisan fiqh, perhatian telah diberikan kepada operasi pelaburan iaitu berkenaan dengan peranan dan kebebasan usahawan dalam melakukan aktiviti perniagaan dan pelaburan bagi mendapatkan keuntungan serta hak usahawan untuk bertransaksi dengan pihak ketiga dengan menggunakan modal *sāhib al-māl* seperti melakukan akad *muḍārabah*, *mushārahah*, *al-rahn* dan sebagainya. Dalam penulisannya, Ibn Rushd telah menyentuh perkara tersebut secara ringkas dan begitu juga para Fuqaha' lain dalam Mazhab Maliki dan Shafi'i. Hanya Fuqaha' dalam Mazhab Hanafi telah mendetailkan tentang peranan dan kebebasan yang boleh dimainkan oleh usahawan semasa melaburkan modal *sāhib al-māl* dan meletakkannya dalam kategori *muḍārabah muṭlaqah* (*Unlimited muḍārabah*) dan *muḍārabah muqayyadah* (*limited muḍārabah*).³⁷

Dalam hal ini, Ibn Rushd menegaskan bahawa sebarang usaha dari pihak pemilik modal/pelabur untuk menentukan atau menghadkan aktiviti pelaburan hanya akan menyusahkan dan menyempitkan peranan usahawan.³⁸ Oleh itu, dapat difahami bahawa secara tidak langsung beliau tidak memecahkan jenis akad *al-muḍārabah* kepada dua jenis seperti di atas sebagaimana pemikiran

³³ Al-Sarakhsī (1324-1331 H.), *op. cit.*, Vol. 22, h. 33.

³⁴ al-Asbaḥī, Mālik b. Anas (1989), *al-Muwaṭṭa'*, Versi Yahyā b. Yahyā b. Kathīr al-Laythī, Beirut: Dār al-Fikr, h. 448.

³⁵ *Bidāyah*, Vol. 2, h. 178.

³⁶ Umpamanya al-Khassāf (1923), *Kitāb al-Ḥiyāl wa al-Makhārij*, (ed.) Schacht, J., Hanover, h. 27; Lihat juga sebagai bandingan, al-Asbaḥī, Mālik b. Anas (1989), *op. cit.*, h. 451.

³⁷ Al-Sarakhsī (1324-1331 H.), *op. cit.*, Vol. 22, h. 22-24, h. 38-40, h. 47

³⁸ *Bidāyah*, Vol. 2, h. 180.

mazhab Hanafi, sebaliknya meletakkan akad ini dalam kategori yang umum atau *unlimited muḍārabah*. Seterusnya dalam penulisan Maliki yang lain dinyatakan bahawa usahawan dibenarkan melabur modal dengan sesiapa sahaja sama ada secara *muḍārabah* atau lainnya dengan kebenaran daripada pemilik modal. Jika, sebaliknya pelaburan dengan pihak ketiga itu dilakukan tanpa keizinan pemilik modal, kerugian yang berlaku akan hanya ditanggung oleh usahawan. Manakala jika berlaku keuntungan, pemilik modal dan usahawan berhak ke atas keuntungan tersebut mengikut nisbah bahagian keuntungan yang telah dipersetujui.³⁹

Fuqaha' Shafi'i mempunyai idea yang berbeza berhubung dengan akad *muḍārabah* secara dua peringkat (*two-tier muḍārabah*) seperti yang dibincangkan di atas oleh Fuqaha' Hanafi dan Maliki. Mereka berpendapat usahawan tidak dibenarkan terlibat dalam akad seperti ini sama ada keizinan dari pemilik modal diperolehi atau tidak. Jika dilakukan juga, akad itu dianggap sebagai batal.⁴⁰ Walaupun tren umum pemikiran Fuqaha' Shafi'i sedemikian rupa, namun terdapat sesetengah Fuqaha' Shafi'i yang lain membenarkan amalan tersebut.⁴¹

Sebagaimana disentuh di atas bahawa Fuqaha' Hanafi membahagikan jenis akad *al-muḍārabah* kepada dua ialah *al-muḍārabah al-muḥlaqah* (*Unlimited muḍārabah*) dan *al-muḍārabah al-muqayyadah* (*limited muḍārabah*). *Muḍārabah muḥlaqah* ialah *muḍārabah* berlaku apabila pelabur (pemilik modal) memberi kebebasan sepenuhnya kepada usahawan untuk melakukan pelaburan seperti katanya, "laburkanlah modal dalam apa jua bentuk pelaburan sebagaimana kamu rasa sesuai". Dalam hal ini mereka berpendapat usahawan boleh bertindak melabur dan menguruskan modal *muḍārabah* dalam perkara-perkara seperti berikut, umpamanya:

- i. Membeli dan menjual semua jenis barangan dagangan;
- ii. Membeli dan menjual secara tunai;
- iii. Menjadikan modal (barangan) sebagai deposit atau barangan gadaian dalam *al-rahn*;
- iv. Melantik pembantu jika diperlukan;
- v. Membeli atau menyewa haiwan atau peralatan;
- vi. Membawa modal dalam perjalanan;
- vii. Mencampurkan modal *muḍārabah* dengan modal kepunyaan usahawan;

³⁹ Al-Asbaḥī, Mālik b. Anas (1989), *op.cit.*, h. 452.

⁴⁰ Al-Ghazālī (1979), *op.cit.*, Vol. 1, h. 223.

⁴¹ Al-Shirāzī (1994), *op. cit.*, Vol. 1, h. 540.

- viii. Melaburkan modal *muḍārabah* dalam akad *muḍārabah* dengan pihak ketiga; dan
- ix. Melaburkan modal *muḍārabah* dalam akad *mushārahah* dengan pihak ketiga.⁴²

Dalam perkataan lain, perbincangan *muḍārabah* dalam kategori ini membolehkan usahawan menguruskan modal pelabur dalam perniagaan yang tidak terikat dengan tempat, lokasi, masa, industri tertentu, pelanggan tertentu dan apa-apa jua transaksi yang dianggap sebagai amalan kebiasaan para pedagang dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan dalam pelaburan berkenaan.⁴³

Sementara itu, *muḍārabah muqayyadah (limited muḍārabah)* pula berlaku apabila aktiviti usahawan dalam pelaburan seperti pihak yang boleh dihubungi, jenis barangan dagangan yang boleh dijual beli, tempat pelaburan yang dibenarkan dan sebagainya ditentukan oleh pemilik modal, maka situasi ini dinamakan *muḍārabah* yang terhad.⁴⁴

5. Perbelanjaan Pengurusan Modal al-Muḍārabah⁴⁵

Berkenaan dengan perbelanjaan (*expenses*) dalam menguruskan modal *muḍārabah* seperti tempat tinggal, makan, minum dan kos-kos perjalanan, Ibn Rushd menyatakan bahawa para Fuqaha' terbahagi kepada tiga pandangan seperti berikut; Pandangan pertama yang dipelopori oleh pandangan Shafi'i yang paling masyhur iaitu usahawan tidak perlu diberikan perbelanjaan melainkan dengan kebenaran pemilik modal; Pandangan kedua, usahawan boleh diberikan perbelanjaan seperti pandangan Ibrāhīm al-Nakhā'ī dan al-Ḥasan dan satu pandangan dari al-Shafi'i; Pandangan Ketiga, usahawan berhak terhadap perbelanjaan berkenaan seperti pakaian dan makanannya jika dia musafir. Sebaliknya jika dia berada tetap di sesuatu kawasan, maka perbelanjaan berkenaan tidak perlu diberikan. Pandangan ini dipelopori oleh Imam Mālik, Imam Abū Ḥanīfah, al-Thawrī dan Jumhur Ulama'.

⁴² Al-Sarakhsī (1324-1331 H.), Vol, 22, h. 39040; *Majallah al-Aḥkām al-`Adliyyah*, per. 1416 dan 1417; Haydar, `Alī (t.t.), *Durār al-Ḥukkām Sharḥ Majallah al-Aḥkām*, (Diterjemahkan dari Bahasa Turki ke Bahasa Arab oleh Fahmī al-Ḥusaysī), Baghdad dan Beirut, h. 465-469.

⁴³ Al-Sarakhsī (1324-1331 H.), *op. cit.*, Vol. 22, h. 7-8, 39-40.

⁴⁴ *Ibid.*, h. 47.

⁴⁵ *Bidayah*, Vol. 2, h. 181.

6. Pembahagian Keuntungan dan Tanggungan Kerugian

Para Fuqaha⁴⁶ termasuk Ibn Rushd⁴⁷ telah membincangkan dalam penulisan mereka bahawa keuntungan yang diperolehi dalam pelaburan akad *al-muḍārabah* diagihkan antara pemilik modal dan usahawan berdasarkan kepada persetujuan bersama secara nisbah seperti $\frac{1}{2} : \frac{1}{2}$, $\frac{1}{3} : \frac{2}{3}$ dan sebagainya, atau secara peratusan seperti 50: 50, 70: 30 dan sebagainya sebagaimana amalan yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. semasa Baginda s.a.w. berakad *muḍārabah* dengan Saiyyidatinā Khadījah binti al-Khuwaylid r.a. sebelum Baginda diangkat menjadi Rasul.⁴⁸

Persetujuan bersama terhadap hal ini dibuat oleh kedua-dua pihak sebelum akad dimeterai. Jika ada mana-mana pihak menetapkan jumlah tertentu daripada keuntungan yang diperolehi untuk dirinya tanpa berdasarkan kepada perkadaran atau nisbah tertentu seperti RM1,000.00 daripada jumlah keuntungan atau kurang daripada itu dan baki keuntungan itu untuk pihak yang satu lagi, maka akad *muḍārabah* dianggap batal. Alasan yang diberikan ialah kerana persetujuan seperti itu boleh membawa kepada situasi ketidakadilan dalam pengagihan keuntungan iaitu satu pihak akan mendapat lebih atau semua sekali daripada keuntungan dan satu pihak lagi akan mendapat sedikit atau tidak mendapat apa-apa bahagian daripada keuntungan berkenaan.⁴⁹ Usahawan boleh mengambil bahagian keuntungannya, jika ada, hanya setelah beliau menyerahkan semua modal yang dilaburkan kepada pemilik modal.

Sekiranya pelaburan itu mengalami kerugian yang bukan disebabkan oleh kecuaihan usahawan, maka ia akan ditanggung oleh pemilik modal. Pandangan ini dikemukakan oleh para Fuqaha' secara jumbuh dalam penulisan mereka.⁵⁰ Prinsip umum yang diaplikasikan dalam akad *muḍārabah* ialah kedua-dua pihak menanggung risiko dalam pelaburan *muḍārabah*. Jika sekiranya pelaburan *muḍārabah* itu mengalami kerugian, usahawan yang melaburkan modal milik pemilik modal akan menanggung kerugian masa dan tenaganya dengan tidak akan mendapat apa-apa pulangan dari hasil usahanya, dan pemilik modal juga menanggung risiko kehilangan modalnya. Oleh kerana

⁴⁶ Lihat umpamanya, al-Shāfi'ī (1990), *op. cit.* Vol. 4, h. 34-35; Ibn Qudāmah (t.t.), *op. cit.*, Vol. 5, h. 30-31; al-Sarakhsī (1324-1331 H.), *op. cit.*, Vol. 22, h. 22.

⁴⁷ *Bidāyah*, Vol. 2, h. 178.

⁴⁸ Ibn Hishām (1975), *op.cit.*, Vol. 1, h. 172.

⁴⁹ Al-Sarakhsī (1324-1331 H.), *op. cit.*, Vol. 22 h. 22; al-Asbaḥī, Mālik b. Anas (1994), *op.cit.*, Vol. 12, hal 109; al-Nawāwī (t.t.), *op.cit.*, h. 64

⁵⁰ Lihat *Bidāyah*, Vol. 2, h. 178; Al-Sarakhsī (1324-1331 H.), *op. cit.*, h. 156-157; al-Marghinānī (t.t.), *op.cit.*, Vol. 3, h. 202-215; al-Khāṭib (1958), *op.cit.*, Vol. 2, h. 309.

inilah kadang-kadang akad *muḍārabah* dipanggil sebagai "partnership in profit" atau "profit-sharing" atau "profit and loss-sharing".⁵¹

7. Penamatan Akad al-Muḍārabah

Dalam penulisan fiqh, sangat sedikit perhatian diberikan terhadap kes bagaimana sesuatu akad *muḍārabah* ditamatkan. Secara umumnya perkongsian akad pelaburan *muḍārabah* ditamatkan oleh kedua-dua pihak yang terlibat iaitu pemilik modal dan usahawan dalam keadaan biasa apabila pelaburan berkenaan telah selesai dan mencapai objektifnya; urusan perakaunan telah diselesaikan oleh usahawan dan keuntungan diagihkan antara kedua-dua pihak mengikut nisbah yang dipersetujui.⁵² Dalam kes pelaburan mengalami kerugian, usahawan dikehendaki memulangkan baki modal yang masih ada ditangannya.⁵³ Para Fuqaha' menyatakan bahawa sebab-sebab yang menyebabkan akad *muḍārabah* boleh ditamatkan serta merta ialah penarikan diri oleh mana-mana pihak, kematian dan gila.⁵⁴ Dalam *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, Ibn Rushd hanya menyentuh secara ringkas bahawa akad *muḍārabah* akan tamat serta merta dengan kematian mana-mana pihak sebagaimana pandangan jumhur fuqaha'. Walau bagaimanapun Imam Mālik membolehkan akad itu diwarisi oleh ahli-ahli waris berkenaan dan pelaburan berkenaan diteruskan sehingga selesai.⁵⁵

KESIMPULAN

Perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa Ibn Rushd telah memberikan sumbangan pemikiran yang amat besar terhadap akad *al-muḍārabah* secara khususnya dan bidang pengajian muamalat secara umumnya sebagaimana tercatat dalam kitabnya *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* walaupun perbincangannya agak ringkas berbanding dengan para Fuqaha' lain seperti al-Sarakhṣī dalam kitabnya *al-Mabsūṭ*. Sumbangan dan buah tangan Ibn Rushd ini amat penting dalam perkembangan dan pembangunan muamalat Islam khususnya amalan perbankan dan kewangan Islam di negara ini dan juga di peringkat antarabangsa.

⁵¹ Lihat komen oleh Siddiqi terhadap "The Report of the Paistan Council of Islamic Ideology on the Elimination of Interest from the Economy" dalam Ahmed, Ziauddin *et al.* (eds.) (1983), *Money and Banking in Islam*, Islamabad: International Centre for Research in Islamic Economics, King Abdul Aziz University, h. 225ff.

⁵² Al-Jazīrī, `Abd al-Raḥmān (1970), *Kitāb al-Fiqh `Alā al-Madhāhib al-Arba`ah*, Vol. 4, Kaherah: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, h. 872-873; al-Kāsānī (t.t.), *op. cit.*, Vol. 6, h. 77 dan 109; Ibn Qudāmah (t.t.), *op. cit.*, Vol. 5, h. 64.

⁵³ Ibn Qudāmah (t.t.), Vol. 5, h. 64.

⁵⁴ *Ibid.*, h. 64-66.

⁵⁵ *Bidāyah*, Vol. 2, h. 181.